



# FARDU 'AIN

## OBJEKTIF KURSUS KESELURUHAN:

- (a) Memperkuat asas-asas agama Islam menerusi pendidikan fardu 'ain.
- (b) Menghuraikan tuntutan-tuntuan kewajipan ke atas setiap individu Muslim agar hukum-hakam asas yang bersifat fardu 'ain dapat diperlakukan secara menyeluruh.
- (c) Mendorong kesungguhan dalam mengamalkan cara hidup agama Islam.

## SESI PERTAMA

# PENGENALAN ASAS AGAMA BAGI SEORANG MUSLIM

### 1. HASIL PEMBELAJARAN:

- (a) **Pemahaman tentang Fardu 'Ain dan Fardu Kifayah:** Peserta akan mempelajari definisi kedua-dua istilah ini serta memahami perbezaan antara kedua-duanya.
- (b) **Pemahaman tentang konsep Mukalaf:** Peserta akan mengetahui pengertian mukallaf berserta kefahaman tentang baligh dan tanda-tandanya.
- (c) **Pengenalan kepada istilah Munafik, Musyrik, Kafir dan Murtad:** Peserta akan mempelajari maksud-maksud kepada istilah-istilah ini serta menghayati bagaimana caranya untuk menjadi Muslim dan mukmin yang sejati.
- (d) **Pengenalan kepada hukum-hukum Taklifi dan Wadh'i:** Peserta akan mempelajari jenis-jenis hukum taklifi dan wadh'i yang disusun oleh para ulama Islam.

### 2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Pendahuluan
- Definisi dan Perbezaan Fardu 'Ain dan Fardu Kifayah
- Definisi dan Konsep Mukalaf
- Maksud Munafik, Musyrik, Kafir dan Murtad
- Maksud Taklifi dan Wadh'i
- Penutup

# PENDAHULUAN

Menuntut ilmu merupakan jalan yang mudah untuk ke syurga. Daripada Abu Hurairah RA, Nabi SAW bersabda:

مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ

**Ertinya:** “Sesiapa yang menempuh suatu jalan untuk menuntut ilmu, maka Allah SWT akan memudahkan baginya jalan untuk ke Syurga.”

(Riwayat Muslim, no. 2699)

Menuntut ilmu agama juga merupakan suatu amalan yang sangat mulia. Firman Allah SWT:

وَقُلْ رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا ﴿١٤﴾

**Ertinya:** “Dan berdoalah (wahai Muhammad) dengan berkata, ‘Wahai Tuhanku, tambahkanlah ilmuku.’”

(Surah Taha 20: 114)

Dalam menghuraikan ayat ini, Al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani dalam Fath al-Bari berkata, “Firman Allah 'Azza wa Jalla, 'Wahai Tuhanku, tambahkanlah aku ilmu' merupakan bukti yang jelas mengenai keutamaan ilmu kerana Allah Ta'ala tidak pernah memerintahkan Nabi-Nya SAW untuk meminta penambahan dalam sesuatu kecuali dalam ilmu.

Ilmu yang dimaksudkan merupakan ilmu syarie yang berguna bagi seorang mukalaf untuk mengetahui apa yang wajib dilakukan dalam agamanya, baik dalam ibadat maupun muamalat, serta ilmu pengetahuan tentang Allah dan sifat-sifat-Nya, apa yang diwajibkan bagi diri seorang mukalaf untuk menjalankan perintah-Nya serta menyucikan-Nya daripada segala kekurangan.” (**Fath al-Bari**, jil. 1, hlm. 141)

## Definisi Fardu 'Ain dan Fardu Kifayah

Fardu 'Ain		Fardu Kifayah
Perbuatan yang wajib dikerjakan oleh setiap orang yang sudah mukalaf (cukup syarat-syaratnya seperti berakal, baligh dan sebagainya).	DEFINISI	Perbuatan yang wajib dilakukan oleh seseorang atau sekumpulan anggota masyarakat Islam tanpa melihat siapa yang mengerjakannya. Apabila telah dilakukan, maka hilanglah tuntutan kewajipan itu terhadap orang lain.
KESAN		Sekiranya tidak ada seorang pun yang melakukannya, maka semua orang Islam berdosa.
CONTOH	Menunaikan solat fardu lima waktu.	Solat jenazah.

## Perbezaan antara Fardu 'Ain dan Fardu Kifayah

No.	Fardu 'Ain	Fardu Kifayah
1.	Wajib dilakukan oleh setiap individu Muslim yang mukalaf.	Wajib dikerjakan oleh seseorang atau sekumpulan orang sahaja.
2.	Merupakan kewajipan dalam bentuk ibadah-ibadah yang khusus.	Merupakan kerja-kerja yang berkaitan dengan kemasyarakatan dan kenegaraan.
3.	Berkenaan kerja-kerja seorang Muslim yang lebih bersifat hubungan dengan Allah SWT.	Berkenaan kerja-kerja seorang Muslim yang lebih bersifat hubungan dengan makhluk di sekitarnya atau sesama manusia yang berkaitan dengan kepentingan umat Islam.
4.	<b>Contoh:</b> Solat fardu lima waktu.	<b>Contoh:</b> Solat ke atas jenazah.

## Fardu 'Ain atau Fardu Kifayah, yang mana lebih utama?

Pandangan **Abu Ishak al-Isfirayini** dan **Imam al-Haramain** menyatakan bahawa melaksanakan Fardu Kifayah lebih utama berbanding Fardu 'Ain kerana ia dapat menghilangkan kesulitan yang dihadapi oleh dirinya dan umat Islam.

Manakala, pandangan **Ibnu ‘Abidin** dan **Jalaluddin al-Mahalli** pula menyatakan bahawa melaksanakan Fardu ‘Ain lebih utama berbanding Fardu Kifayah kerana syarak sangat memberi perhatian terhadap Fardu ‘Ain sehingga setiap mukalaf perlu melakukannya.

(*Al-Mawsu‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, jil. 32, hlm. 97)

## Definisi dan Konsep Mukalaf

Siapakah orang-orang yang dipertanggungjawab untuk melaksanakan perintah dan tuntutan syarak? Mereka ialah mukalaf.

**Mukalaf** ialah orang yang baligh dan berakal yang telah sampai dakwah Islam kepadanya. Baligh dan berakal merupakan ciri penting yang perlu ada pada seorang mukalaf.

Baligh	Berakal
<p>Baligh ialah apabila seseorang lelaki atau perempuan telah sampai tempoh umur yang layak ditujukan kepadanya perintah melaksanakan syariat seperti solat, puasa, haji dan lain-lain.</p> <p>Tanda-tanda baligh bagi lelaki dan perempuan ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(a) Genap 15 tahun qamariyyah bagi lelaki dan perempuan.</li><li>(b) Bermimpi basah, iaitu keluar air mani melalui kemaluan bagi lelaki dan perempuan selepas berumur 9 tahun qamariyyah.</li><li>(c) Datang haid bagi perempuan selepas berumur 9 tahun qamariyyah.</li></ul>	<p>Berakal memberi maksud seseorang itu dapat memahami pensyariatan yang dipertanggungjawab kepadanya.</p>

Inilah yang dapat kita fahami daripada hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Aisyah RHA:

رُفِعَ الْقَلْمُ عَنْ ثَلَاثَةِ: عَنِ النَّاِيمِ حَتَّىٰ يَسْتَيْقِظَ وَعَنِ الصَّغِيرِ حَتَّىٰ يَكُبِّرَ  
وَعَنِ الْمَجْنُونِ حَتَّىٰ يَعْقِلَ أَوْ يُفْيقَ

**Ertinya:** “Tiga golongan orang yang tidak akan dicatat (iaitu terlepas daripada beban kewajipan): Orang yang tidur sehingga dia bangun, anak kecil sehingga dia sudah dewasa dan orang gila sehingga dia kembali waras atau sedar.”

(Riwayat Ibnu Majah, no. 2041)

## Maksud Munafik, Musyrik, Kafir dan Murtad

Sebagai seorang Muslim, kita hendaklah mempraktikkan agama Islam secara ikhlas dan benar. Kata pengarang kitab *al-Risalah al-Jami'ah*:

فَمَنْ لَمْ يَكُنْ مُخْلِصًا فَهُوَ مُنَافِقٌ. وَمَنْ لَمْ يَكُنْ مُصَدِّقًا بِقَلْبِهِ فَهُوَ كَافِرٌ

**Ertinya:** “Sesiapa yang tidak ikhlas, dialah seorang munafik. Sesiapa yang tidak percaya dengan hatinya pula dialah seorang kafir.”

(Al-Risalah al-Jami'ah, hlm. 21)

Oleh itu, mari kita pelajari beberapa istilah penting ini untuk memastikan kita tergolong dalam kalangan Muslim dan mukmin yang sejati.

### Munafik

**Munafik** adalah seseorang yang tidak menzahirkan kekufuran dengan cara menyembunyikan di dalam hati dan pada masa yang sama menzahirkan keimanannya secara berpura-pura.

Firman Allah SWT:

إِنَّ الْمُنَافِقِينَ فِي الدَّرْكِ أَلْأَسْفَلِ مِنَ النَّارِ

**Ertinya:** “Sesungguhnya orang yang munafik itu akan ditempatkan pada tingkatan yang paling bawah sekali dari (lapisan-lapisan dalam) neraka.”

(Surah al-Nisa' 4: 145)

Munafik terbahagi kepada dua:

Munafik Akbar	Munafik Asghar
ialah Munafik Besar, iaitu seseorang manusia yang menzahirkan keimanannya kepada Allah SWT, para malaikat, kitab-kitab, para Rasul dan hari kiamat, namun dia menyembunyikan keyakinannya yang bertentangan dengan kenyataannya yang zahir sama ada keseluruhan mahupun sebahagian sahaja.	ialah Munafik Kecil, iaitu seseorang yang menzahirkan sesuatu yang baik atau soleh dan menyembunyikan sesuatu yang bertentangan dengan apa yang dizahirkan itu.
ia merupakan munafik dalam pegangan akidah.	ia merupakan munafik dalam amalan.

## Musyrik

**Musyrik** adalah seseorang yang menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu makhluk atau mempercayai bahawa adanya kuasa lain yang lebih berkuasa daripada Allah SWT.

Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَن يُشْرِكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَن يَشَاءُ

**Ertinya:** “Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik memperseketukan-Nya (dengan sesuatu apa jua), dan akan mengampunkan dosa yang lain daripada itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut aturan syariat-Nya).”

(Surah al-Nisa' 4: 48)

Syirik terbahagi kepada dua:

Syirik Akbar	Syirik Asghar
Iaitu Syirik Besar, iaitu mempercayai dan menyembah tuhan selain daripada Allah SWT yang Esa dan ingkar kepada perkara yang diketahui daripada agama secara darurah.	Iaitu Syirik Kecil, iaitu perbuatan yang menjadi wasilah kepada syirik akbar seperti menilik nasib, menggunakan tangkal dan sebagainya.

## Kafir

**Kafir** adalah Seseorang yang mengingkari keesaan Allah SWT, kenabian nabi utusan Allah atau mengingkari syariat-Nya.

Firman Allah SWT:

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُواْ وَمَا تُوْاْ وَهُمْ كُفَّارٌ أُولَئِكَ عَلَيْهِمْ لَعْنَةُ اللَّهِ وَالْمَلِكَةِ وَالنَّاسِ  
أَجْمَعِينَ

**Ertinya:** “Sesungguhnya orang-orang yang kafir dan mereka mati sedang mereka tetap dalam keadaan kafir, mereka itulah orang-orang yang ditimpa laknat Allah dan malaikat serta manusia sekaliannya.”

**(Surah al-Baqarah 2: 161)**

Kufur terbahagi kepada tiga:

Kufur Jahli	Kufur Juhdi ('Inadi)	Kufur Hukmi
Kufur yang disebabkan kebodohnya.	Kufur kerana rasa takut kehilangan pangkat atau pengaruh jika beriman kepada Allah SWT.	Kufur kerana sesuatu terjadi perlakuan yang bertentangan dengan keimanan seperti menghina al-Quran.

## Murtad

**Murtad** adalah orang Islam yang meninggalkan Islam dan segala ajaran yang terkandung dalamnya.

Firman Allah SWT:

وَمَن يَرْتَدِدْ مِنْكُمْ عَنِ دِينِهِ فَيُمْتَأْذِنُ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَئِكَ حَبَطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي  
الْأَرْضِيَا وَالْآخِرَةِ وَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢١٧﴾

**Ertinya:** “Dan sesiapa di antara kamu yang murtad daripada agamanya (agama Islam), lalu ia mati sedang ia tetap kafir, maka orang-orang yang demikian, rosak binasalah amal usahanya (yang baik) di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah ahli neraka, kekal mereka di dalamnya (selama-lamanya).”

(Surah al-Baqarah 2: 217)

## Hukum Taklifi dan Hukum Wadh'i

Pengertian:

Hukum Taklifi	Hukum Wadh'i
Sesuatu yang diberi pahala apabila dilakukan dan berdosa apabila ditinggalkan.  <b>Contoh:</b> Puasa bulan Ramadan.	Khitab Allah yang menjadikan sesuatu sebagai sebab kepada sesuatu hukum atau syarat atau mani' (penghalang), sah atau batal, azimat atau rukhsah bagi sesuatu hukum syarak yang berkaitan dengan perbuatan mukalaf.

## Hukum Taklifi

No.	Hukum Taklifi	Huraian
1.	Wajib	<p>Sesuatu yang diberi pahala apabila dilakukan dan berdosa apabila ditinggalkan.</p> <p><b>Contoh:</b> Puasa bulan Ramadan.</p>
2.	Sunat	<p>Sesuatu yang diberi pahala jika dilakukan dan tidak berdosa apabila ditinggalkan.</p> <p><b>Contoh:</b> Solat sunat.</p>
3.	Makruh	<p>Sesuatu yang diberi pahala jika ditinggalkan dan tidak berdosa apabila dilakukan.</p> <p><b>Contoh:</b> Makan bawang atau petai yang menyebabkan mulut berbau sehingga mengganggu jemaah lain ketika solat.</p>
4.	Haram	<p>Sesuatu yang diberi pahala apabila ditinggalkan dan berdosa apabila dilakukan di sisi syarak.</p> <p><b>Contoh:</b> Minuman arak.</p>
5.	Mubah / Harus	<p>Sesuatu yang tidak berpahala jika dilakukan dan tidak berdosa apabila ditinggalkan.</p> <p><b>Contoh:</b> Bersiar-siar.</p>

## Hukum *Wadhi'i*

No.	Hukum Taklifi	Huraian
1.	Sebab	<p>Sesuatu yang menjadi pencetus kepada sesuatu hukum syarak. Hukum akan wujud apabila wujudnya sebab dan hukum akan tiada bila tiada sebab.</p> <p><b>Contoh:</b> Masuk waktu solat sebagai sebab wajib mendirikan solat fardu. Sekiranya waktu solat belum masuk, tiadalah hukum wajib mendirikan solat fardu.</p>
2.	Syarat	<p>Sesuatu yang membolehkan sesuatu hukum itu wujud dan ketiadaannya menyebabkan ketiadaan hukum. Adapun begitu, syarat tetap boleh wujud tanpa perlu adanya hukum.</p> <p><b>Contoh:</b> Wuduk sebagai syarat kepada solat. Namun, boleh sahaja kita berwuduk tanpa perlu menunaikan solat.</p>

No.	Hukum Taklifi	Huraian
3.	<i>Mani'</i> (Penghalang)	<p>Perkara yang dijadikan oleh syarak sebagai penghalang kepada kewujudan hukum atau sebab hukum.</p> <p><b>Contoh:</b> Haid menjadi <i>mani'</i> (penghalang) kepada kewajipan solat bagi kaum wanita.</p>
4.	Sah	<p>Sesuatu amalan yang cukup rukun dan syaratnya menurut syarak.</p> <p><b>Contoh:</b> Solat fardu yang ditunaikan seorang mukalaf dengan cukup syarat dan rukunnya dikira sah dan kesannya, orang ini telah melepaskan dirinya daripada dosa meninggalkan solat.</p>
5.	Batal	<p>Sesuatu amalan yang tidak cukup rukun dan syarat menurut syarak.</p> <p><b>Contoh:</b> Berlakunya hadas kecil atau besar ketika seorang mukalaf sedang solat fardu, maka solatnya dikira batal dan kesannya, orang ini masih tidak terlepas daripada tanggungjawabnya untuk menunaikan solat bagi mengelakkan dirinya daripada berdosa meninggalkannya. Dia perlu mengulangi solat atau qada solat tersebut sekiranya sudah habis waktu solat tersebut.</p>
6.	'Azimah	<p>Perkara yang disyariatkan pada permulaan dan bukan disyariatkan kerana wujudnya halangan.</p> <p><b>Contoh:</b> Solat zuhur sebanyak empat rakaat.</p>
7.	Rukhsah	<p>Perkara yang disyariatkan disebabkan wujudnya halangan untuk melaksanakan perintah asal syarak.</p> <p><b>Solat:</b> Solat zuhur dan asar secara jamak dan qasar ketika musafir.</p>

# PENUTUP

Moga-moga kita tergolong dalam kalangan orang-orang yang Allah berikan kefahaman agama. Muawiyah bin Abi Sufyan meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ يُرِيدُ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهُ فِي الدِّينِ.

**Ertinya:** “Sesiapa yang Allah kehendaki padanya kebaikan, maka Allah akan memberinya kefahaman di dalam agama.”

(Riwayat al-Bukhari, no. 71 dan Muslim, no. 719)

Semoga ilmu yang kita pelajari pada sesi pertama dan seterusnya ini menjadi ilmu yang bermanfaat buat kita. Daripada Ummu Salamah RHA, antara doa yang diriwayatkan Nabi SAW membacanya selepas solat subuh ialah:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا وَرِزْقًا طَيِّبًا وَعَمَلاً مُتَقَبِّلًا.

**Ertinya:** “Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepada-Mu ilmu yang bermanfaat, rezeki yang baik dan amalan yang diterima.”

(Riwayat Ibnu Majah, no. 924)

## SESI KEDUA

# RUKUN IMAN DAN RUKUN ISLAM

### 1. HASIL PEMBELAJARAN:

- Pemahaman tentang Rukun Iman:** Peserta akan mempelajari dan menghayati rukun-rukun iman serta perincian ringkas setiap daripadanya.
- Pemahaman tentang Rukun Islam:** Peserta akan mempelajari dan menghayati rukun-rukun Islam serta perincian ringkas setiap daripadanya.

### 2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Pendahuluan
- Pengertian dan Rukun Iman
- Pengertian dan Rukun Islam
- Penutup

# PENDAHULUAN

Umar al-Khattab RA bercerita bahawa pernah suatu ketika tatkala para sahabat sedang duduk bersama Rasulullah SAW, tiba-tiba muncul seorang lelaki yang sangat putih pakaianya, sangat hitam rambutnya, tidak kelihatan padanya kesan-kesan permusafiran dan tiada seorang pun antara para sahabat mengenalinya.

Sehinggalah dia duduk di sisi Nabi Muhammad SAW dan dia sandarkan lututnya kepada lutut Nabi SAW dan meletakkan tangannya di atas pahanya, lalu berkata, "Wahai Muhammad! Beritahulah kepadaku tentang Islam." Maka, sabda Rasulullah SAW, "Islam adalah kamu bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan dan menunaikan haji di Baitullah sekiranya berkemampuan untuk pergi ke sana."

Lelaki itu pun berkata, "Kamu benar." Maka, para sahabat pun berasa hairan terhadapnya, dia yang bertanya dan dia yang membenarkannya.

Lelaki itu berkata lagi, "Beritahu kepada aku tentang iman." Rasulullah SAW bersabda, "Bahawasanya kamu beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, hari kiamat dan beriman dengan ketentuan-Nya yang baik dan buruk." Lelaki itu berkata, "Kamu benar."

Katanya lagi, "Beritahu pula kepada aku tentang ihsan." Rasulullah bersabda, "Bahawasanya kamu menyembah Allah seumpama kamu melihatnya. Maka, sekiranya kamu tidak mampu melihat-Nya, sesungguhnya Dia melihat kamu." Katanya, "Kamu benar."

Katanya lagi, "Beritahu kepada aku tentang kiamat." Rasulullah menjawab, "Tidaklah orang yang ditanya itu lebih mengetahui daripada orang yang bertanya." Lelaki itu berkata, "Maka, beritahu kepada aku tentang tanda-tanda kiamat." Rasulullah bersabda, "Bahawasanya seorang hamba perempuan melahirkan tuannya, kamu melihat orang yang berkaki ayam, bertelanjang, miskin dan menggembala kambing akan berlumba-lumba membina bangunan yang tinggi."

Kemudian lelaki itu beredar, lalu aku terdiam beberapa ketika. Kemudian Baginda bersabda, "Wahai Umar, adakah kamu tahu siapakah yang bertanya itu?" Aku menjawab, "Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui."

Rasulullah SAW pun bersabda:

فَإِنَّهُ جِبْرِيلُ أَتَاهُمْ يُعَلِّمُهُمْ دِينَكُمْ.

**Ertinya:** "Sesungguhnya itulah Jibril yang datang kepada kamu, dia mengajar kamu tentang agama kamu."

(Riyatay Muslim, no. 8)

## Pengertian Iman

Bahasa	Istilah
Percaya, yakin dan membenarkan.	Percaya dengan hati, mengaku dengan lidah dan beramal dengan anggota badan.

Firman Allah SWT:

عَامَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلُّ عَامَنَ بِاللَّهِ وَمَلِئَكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْ رَسُلِهِ وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ

(285)

**Ertinya:** “Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya daripada Tuhan-Nya, dan juga orang-orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya dan rasul-rasul-Nya. (Mereka berkata:) ‘Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain rasul-rasul-Nya.’ Mereka berkata lagi, ‘Kami dengar dan kami taat (kami pohonkan) keampunan-Mu wahai Tuhan kami dan kepada-Mu jualah tempat kembali.’”

(Surah al-Baqarah 2: 285)

## Rukun Iman

Daripada Umar al-Khattab RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِيمَانِ قَالَ: أَنْ تُؤْمِنَ بِاللهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَتُؤْمِنَ بِالْقَدَرِ حَيْرِهِ وَشَرِّهِ.

**Ertinya:** “(Jibril bertanya Nabi SAW), ‘Beritahu kepadaku apakah yang dimaksudkan dengan iman?’ Nabi SAW menjawab, ‘Iman ialah kamu beriman kepada Allah, malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, para rasul-Nya, hari akhirat serta beriman kepada takdir Allah yang baik dan juga yang buruk.’”

(Riwayat Muslim, no. 8)

Berikut adalah senarai enam (6) rukun Iman yang perlu menjadi prinsip kehidupan setiap muslim:

No.	Rukun Iman	Huraian
1.	Percaya kepada Allah SWT.	Mempercayai dengan penuh keyakinan bahawa Allah SWT yang mencipta alam ini dan Dialeh Tuhan yang berhak disembah dan ditujukan segala pergantungan hidup.
2.	Percaya kepada Malaikat.	Mempercayai bahawa Allah SWT mempunyai pesuruh-pesuruh, iaitu para malaikat yang sentiasa patuh dan taat menjalankan segala titah perintah-Nya.
3.	Percaya kepada Kitab.	Berkeyakinan bahawa Allah SWT mempunyai beberapa kitab suci.
4.	Percaya kepada Rasul.	Beriman kepada semua Rasul yang telah diutuskan Allah SWT tanpa membeza-bezakan antara seorang rasul dengan yang lain.
5.	Percaya kepada hari Kiamat.	Beriktikad wujudnya hari kiamat atau hari akhirat.
6.	Percaya kepada hari Kiamat.	Mempercayai bahawa segala yang berlaku di dalam alam ini merupakan ketentuan dan ketetapan Allah SWT sama ada kebaikan atau keburukan.

## Rukun Pertama: Percaya kepada Allah SWT

Firman Allah SWT:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝ أَللَّهُ الصَّمَدُ ۝ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوْلَدْ ۝ وَلَمْ يَكُنْ لَّهُ إِلَيْهِ كُفُوًا  
۝ أَحَدٌ

**Ertinya:** "Katakanlah (wahai Muhammad), '(Tuanku) ialah Allah Yang Maha Esa. Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat. Ia tidak beranak dan ia pula tidak diperanakkan. Dan tidak ada sesiapa pun yang serupa dengan-Nya."

(Surah al-Ikhlas 112: 1-4)

Ia juga meyakini bahawa Allah SWT tidak menyerupai makhluk-makhluk ciptaan-Nya dan Allah SWT bersifat dengan sifat yang sempurna.

Firman Allah SWT:

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ  
11

**Ertinya:** “Tiada sesuatu pun yang sebanding dengan-Nya (Zat-Nya, sifat-sifat-Nya dan pentadbiran-Nya) dan Dialah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.”

(Surah al-Syura 42: 11)

## Rukun Kedua: Percaya kepada Malaikat

Antara nama malaikat ialah:

No.	Nama Malaikat	Tugas
1.	Jibril	Menyampaikan wahyu
2.	Izrail	Mencabut nyawa
3.	Mikail	Mengagihkan rezeki
4.	Israfil	Meniup sangkakala
5.	Munkar	Menyoal orang mati di dalam kubur
6.	Nakir	Menyoal orang mati di dalam kubur
7.	Raqib	Mencatat amalan kebaikan
8.	Atid	Mencatat amalan keburukan
9.	Ridhwan	Menjaga syurga
10.	Malik	Menjaga neraka

## Rukun Iman Ketiga: Percaya kepada Kitab

Kitab-kitab ini diberikan kepada para rasul utusan Allah SWT. Antara nama kitab ialah:

No.	Nama Kitab	Rasul
1.	Taurat	Nabi Musa a.s.
2.	Zabur	Nabi Daud a.s.
3.	Injil	Nabi Isa a.s.
4.	Al-Quran	Nabi Muhammad SAW

Setelah turunnya al-Quran dan diutuskan Nabi Muhammad SAW, kitab-kitab terdahulu telah pun terbatal. Umat Islam hanya berpandukan kepada peraturan dan undang-undang yang tercatat di dalam al-Quran sahaja.

## Rukun Iman Keempat: Percaya kepada Rasul

Terdapat 25 nama rasul yang disebut di dalam al-Quran, seperti berikut:

No.	Nama Rasul
1.	Adam a.s.
2.	Idris a.s.
3.	Nuh a.s.
4.	Hud a.s.
5.	Salih a.s.
6.	Ibrahim a.s.
7.	Lut a.s.
8.	Ismail a.s.
9.	Ishak a.s.
10.	Yaakub a.s.
11.	Yusuf a.s.
12.	Ayub a.s.
13.	Syu'aib a.s.

No.	Nama Rasul
14.	Musa a.s.
15.	Harun a.s.
16.	Zulkifli a.s.
17.	Daud a.s.
18.	Sulaiman a.s.
19.	Ilyas a.s.
20.	Ilyasa' a.s.
21.	Yunus a.s.
22.	Zakaria a.s.
23.	Yahya a.s.
24.	Isa a.s.
25.	Muhammad SAW

## **Rukun Iman Kelima: Percaya kepada Hari Akhirat**

Kepercayaan terdiri kepada:

- (a) Adanya kematian.
- (b) Pembalasan di alam kubur, sama ada nikmat atau azab.
- (c) Hari kebangkitan setelah kehancuran dunia.
- (d) Padang mahsyar tempat berkumpul segala makhluk.
- (e) Dihisab segala amalan dan dilakukan neraca timbangan.
- (f) Titian sirat.
- (g) Syurga atau neraka.

## **Rukun Iman Keenam: Percaya kepada Qadak dan Qadar**

Allah SWT merupakan pencipta manusia dan perbuatan-perbuatan manusia. Setiap perkara yang terjadi pada kehidupan merupakan ciptaan Allah SWT. Kejadian-kejadian dalam kehidupan telah ditentukan sejak azali lagi dan diketahui oleh Allah SWT.

Walaupun begitu, umat Islam dianjurkan berdoa dan berikhtiar kerana masih ada ruang ketentuan Allah SWT boleh berubah. Adapun ilmu Allah SWT meliputi semua perkara termasuk mengetahui takdir seseorang yang berdoa dan berikhtiar.

## **Pengertian Islam**

Bahasa	Istilah
Tunduk, patuh dan menyerah diri.	Tunduk dan patuh menurut segala peraturan dan panduan zahir serta batin yang dibawa oleh Rasulullah SAW.

Firman Allah SWT:

إِنَّ الَّذِينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ وَمَا أَخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكُفُرُ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ



**Ertinya:** “Sesungguhnya agama (yang benar dan direndai) di sisi Allah ialah Islam. Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah Amat Segera hitungan hisab-Nya.”

فَإِنْ حَاجُوكَ فَقُلْ أَسْلَمْتُ وَجْهِي لِلَّهِ وَمَنْ أَتَّبَعَنِيْ وَقُلْ لِلَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ  
وَالْأُمَّيَّنَ إِنَّمَا أَسْلَمُوا فَقَدِ اهْتَدَوْا وَإِنْ تَوَلُّوْا فَإِنَّمَا عَلَيْكَ الْبَلْغُ وَاللَّهُ

بَصِيرٌ بِالْعِبَادِ

**Ertinya:** “Oleh sebab itu, jika mereka berhujah (menyangkal dan) membantahmu (wahai Muhammad), maka katakanlah, ‘Aku telah berserah diriku kepada Allah dan demikian juga orang-orang yang mengikutku.’ Dan bertanyalah (wahai Muhammad) kepada orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberi Kitab, dan orang-orang yang ‘Ummi’ (orang-orang musyrik Arab), ‘Sudahkah kamu mematuhi dan menurut (agama Islam yang aku bawa itu)?’ Kemudian jika mereka memeluk Islam, maka sebenarnya mereka telah memperoleh petunjuk; dan jika mereka berpaling (tidak mahu menerima Islam), maka sesungguhnya kewajipanmu hanyalah menyampaikan (dakwah Islam itu). Dan (ingatlah), Allah sentiasa Melihat (tingkah laku) sekalian hamba-Nya.”

(Surah Ali-'Imran 3: 19-20)

## Rukun Islam

Daripada Umar al-Khattab RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

أَخْبَرْنِي عَنِ الْإِسْلَامِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الْإِسْلَامُ أَنْ تَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ وَتَقِيمَ الصَّلَاةَ وَتُؤْتِيَ الزَّكَاةَ وَتَصُومَ رَمَضَانَ وَتَحْجُجَ الْبَيْتَ إِنْ اسْتَطَعْتَ إِلَيْهِ سَيِّلًا.

Ertinya: “(Jibril bertanya Nabi SAW), ‘Beritahu kepadaku apakah yang dimaksudkan dengan Islam?’ Nabi SAW menjawab, ‘Islam ialah kamu bersaksi bahawa tiada tuhan selain Allah dan Muhammad ialah utusan Allah, kamu mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa Ramadan dan menunaikan haji ke Baitullah sekiranya kamu mampu.’”

(Riwayat Muslim, no. 8)

## Rukun Pertama: Mengucap Dua Kalimah Syahadah

Dua kalimah syahadah:

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ

Ertinya: “Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan aku bersaksi bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah.”

**Dua Bahagian Syahadah iaitu:**

**Bahagian Pertama**

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Ertinya: “Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah.”

Bahagian pertama merupakan penafian kepada segala bentuk tuhan, kepercayaan dan akidah lain dan penyembahan hanyalah kepada Allah Yang Maha Esa.

## Bahagian Kedua

وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً رَسُولَ اللَّهِ

Ertinya: "Aku bersaksi bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah."

Bahagian kedua merupakan pengakuan kerasulan Nabi Muhammad SAW sebagai seorang rasul utusan Allah SWT.

### Konsep Syahadah

- (a) Perlu difahami dengan mendalam.
- (b) Perlu diterjemah ke dalam kehidupan.
- (c) Perlu dibuktikan dengan menurut segala perintah Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya.

## Rukun Kedua: Mendirikan Solat Fardu Lima Waktu

Firman Allah SWT:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَإِذَا أَرْكَعُوا مَعَ الْرَّكْعَيْنَ ﴿٤٣﴾

Ertinya: "Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk."

(Surah al-Baqarah 2: 238)

Waktu	Bilangan Rakaat
Subuh	2
Zuhur	4
Asar	4
Maghrib	3
Isyak	4

## Rukun Ketiga: Menunaikan Zakat

Firman Allah SWT:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُظْهِرُهُمْ وَتُزَكِّيْهِمْ بِهَا وَصَلَّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَوةَكَ سَكَنٌ  
لَّهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Ertinya: “Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat) supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan mensucikan mereka (daripada akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”

(Surah al-Taubah 9: 103)

## Rukun Keempat: Berpuasa pada Bulan Ramadan

Firman Allah SWT:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْءَانُ هُدًى لِلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِنَ الْهُدَى  
وَالْفُرْقَانِ فَمَنْ شَهَدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلِيَصُمُّهُ وَمَنْ كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّهُ  
مِنْ أَيَّامِ أُخْرَ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكِمُلُوا الْعِدَّةَ  
وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَى مَا هَدَنَكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Ertinya: “(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa bulan itu; dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir, maka (bolehlah ia berbuka, kemudian wajiblah ia berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. (Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan dan ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran. Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan

*supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya, dan supaya kamu bersyukur.”*

**(Surah al-Baqarah 2: 185)**

#### **Rukun Kelima: Mengerjakan Haji bagi yang Berkemampuan**

Firman Allah SWT:

وَأَتِمُوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ

Ertinya: “*Dan sempurnakanlah ibadat haji dan umrah kerana Allah.*”

**(Surah al-Baqarah 2: 196)**

# PENUTUP

Bericara tentang hadis Jibril a.s. yang datang kepada Nabi SAW ini, al-Qadi 'Iyad mengatakan bahawa hadis ini mencakupi semua amal ibadat, baik yang zahir maupun yang batin, daripada ikatan iman, amalan anggota badan, keikhlasan hati, penjagaan diri daripada perosak kepada amalan sehingga kecacatan perbuatan, bahkan sehingga ilmu-ilmu syariah semuanya merujuk kepadanya dan berasal daripadanya. (**Fath al-Bari**, jil. 1, hlm. 125)

Oleh sebab itu, ulama mengatakan hadis ini menghimpunkan pelbagai ilmu, pengetahuan dan adab. Sangat bagus sekiranya kita menghayati hadis ini seperti mana kata Nabi SAW:

فَإِنَّهُ جَبْرِيلُ أَتَاكُمْ يُعَلِّمُكُمْ دِينَكُمْ.

**Ertinya:** “Sesungguhnya itulah Jibril yang datang kepada kamu, dia mengajar kamu tentang agama kamu.”

(Riwayat Muslim, no. 8)

## SESI KETIGA

# ASAS BERSUCI

### 1. HASIL PEMBELAJARAN:

- (a) **Pengenalan tentang bersuci:** Peserta akan belajar secara ringkas tentang maksud asas bersuci serta berusaha untuk menghayatinya dalam kehidupan.
- (b) **Pembelajaran tentang jenis-jenis air:** Peserta akan didedahkan dengan jenis-jenis air dan keterangan setiap satu daripadanya dari sudut kesucian dan lain-lain.
- (c) **Pemahaman tentang pembahagian najis:** Peserta akan mengetahui jenis-jenis najis sebagaimana yang dihuraikan oleh para ulama berserta keterangan dan cara bersuci daripada najis secara teori.
- (d) **Pembelajaran tentang darah wanita:** Peserta akan mempelajari jenis-jenis darah wanita berserta keterangan, tempoh dan hukum secara ringkas.
- (e) **Pembelajaran tentang mandi wajib:** Peserta akan memahami asas-asas mandi wajib yang penting secara ringkas.
- (f) **Pembelajaran tentang wuduk:** Peserta akan mengetahui beberapa perbincangan asas tentang hukum-hakam berwuduk.
- (g) **Pembelajaran tentang tayamum:** Peserta akan didedahkan dengan beberapa aspek penting tentang tayamum.

### 2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Pendahuluan
- Pengertian Bersuci
- Jenis-jenis Air
- Pembahagian Najis
- Darah Wanita
- Mandi Wajib
- Wuduk
- Tayamum
- Penutup

# PENDAHULUAN

Anas bin Malik RA menceritakan bahawa pernah ketika mereka berada di masjid bersama Rasulullah SAW, seorang Arab Badwi datang dan berdiri serta mulai kencing di dalam masjid.

Para sahabat pun berkata, "Berhenti, berhenti." Namun, Rasulullah SAW pula berkata, "Jangan ganggu dia, biarkan dia." Mereka pun meninggalkannya dan setelah dia selesai kencing, Rasulullah SAW memanggilnya dan berkata kepadanya,

إِنَّ هَذِهِ الْمَسَاجِدَ لَا تَصْلُحُ لِشَيْءٍ مِّنْ هَذَا الْبَوْلِ وَلَا الْقَدْرِ إِنَّمَا هِيَ لِذِكْرِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ وَالصَّلَاةُ وَقِرَاءَةُ الْقُرْآنِ

**Ertinya:** "Masjid-masjid ini bukanlah tempat untuk kencing dan kotoran. Ia hanyalah tempat untuk mengingati Allah 'Azza Wa Jalla, menunaikan solat dan membaca al-Quran."

Kata perawi, "Atau Rasulullah SAW mengatakan sesuatu yang serupa." Rasulullah SAW kemudian memerintahkan salah seorang daripada mereka untuk membawa sebuah baldi air dan menuangkannya di atasnya. **(Riwayat Muslim, no. 285)**

Dalam riwayat al-Bukhari pula berkenaan kisah lelaki Arab Badwi yang kencing di masjid, Nabi SAW sebutkan:

دَعْوَهُ وَهَرِيقُوا عَلَى بَوْلِهِ سَجْلًا مِّنْ مَاءٍ أَوْ ذَنُوبًا مِّنْ مَاءٍ فَإِنَّمَا بُعْثِتُمْ مُّسِيرِينَ وَلَمْ تُبْعَثُوا مُعَسِّرِينَ.

**Ertinya:** "Biarkanlah dia, tuangkanlah ke atas air kencingnya dengan sebaldi air. Kalian telah diutus untuk memudahkan (urusan manusia) dan tidak pula kalian diutus untuk menyusahkan (mereka)." **(Riwayat al-Bukhari, no. 217)**

Kata pengarang al-Fiqh al-Manhaji,

الإِسْلَامُ دِينُ النَّظَافَةِ لِذَلِكَ أَوْجَبَ إِزَالَةَ النَّجَاسَةِ أَيْنَمَا كَانَتْ وَالْتَّحْرِزُ مِنْهَا وَجْعَلَ الطَّهَارَةَ مِنَ النَّجَاسَةِ شَرْطًا لِصَحَّةِ الصَّلَاةِ سَوَاءَ فِي التَّوْبَأْمِ الْبَدْنِ أَمِ الْمَكَانِ.

**Ertinya:** "Islam merupakan agama yang bersih, untuk itu wajib menghilangkan najis walau di mana keberadaannya dan juga memelihara diri daripada najis. Menjadi bersih daripada najis adalah syarat sah solat sama ada pada pakaian ataupun badan ataupun tempat solat."

**(Al-Fiqh al-Manhaji, jil. 1, hlm. 43)**

## Pengertian Bersuci

Bersuci ialah menghilangkan hadas dan najis daripada badan, pakaian dan tempat supaya dapat menunaikan ibadat khususnya ibadat solat.

Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوْبَينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ

**Ertinya:** “Sesungguhnya Allah SWT mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri.”

(Surah al-Baqarah 2: 222)

## Jenis-jenis Air

Firman Allah SWT:

وَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً طَهُورًا ﴿٤٨﴾

**Ertinya:** “Dan kami menurunkan dari langit: air yang bersih dan suci.”

(Surah al-Furqan 25: 48)

No.	Jenis Air	Keterangan
1.	Air Mutlak	(a) Air yang suci lagi menyucikan. (b) Air yang boleh diminum dan boleh dibuat bersuci. (c) Air yang benar-benar tulen dan tidak bercampur dengan benda-benda lain.
2.	Air Mustakmal	(a) Air yang suci tetapi tidak menyucikan. (b) Air yang telah digunakan untuk mengangkat hadas. (c) Air ini hanya boleh dibuat minum atau membasuh benda-benda yang bukan najis sahaja.
3.	Air Musyammas	(a) Air yang makruh digunakan. (b) Air mutlak yang terjemur di tengah panas matahari dalam bekas yang mempunyai karat dan digunakan ketika air masih panas.
4.	Air Mutanajis	Air yang mengandungi najis.

## Pembahagian Najis

No.	Jenis Najis	Keterangan	Cara Menyucikan
1.	Najis Mukhaffafah (najis ringan)	Air kencing kanak-kanak lelaki yang masih belum berumur 2 tahun yang tidak makan apa-apa kecuali susu sahaja.	Memercikkan air ke atas najis tersebut sehingga rata.
2.	Najis Mutawassitah (najis pertengahan)	Najis selain najis mukhaffafah dan mughallazah.  <b>Contoh:</b> darah, nanah, muntah dan bangkai.	Dicuci dengan air mutlak sehingga hilang zat/warna, bau dan rasanya.
3.	Najis Mughallazah (najis berat)	Najis babi dan anjing dan segala perkara yang ada hubungannya dengan kedua-dua binatang ini.	Membasuh sebanyak 7 kali dengan salah satu basuhan ialah air yang dicampurkan dengan tanah.

## Istinjak

Istinjak adalah menghilangkan najis yang terdapat pada kemaluan selepas membuang air kecil atau besar dengan sesuatu yang bersih. Boleh dilakukan dengan air, batu atau sesuatu yang keras seperti kulit kayu.

## Darah Wanita

Firman Allah SWT:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُلْ هُوَ أَذَى فَاعْتَزِلُوا الْنِسَاءَ فِي الْمَحِيضِ وَلَا  
 تَقْرَبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَطْهَرْنَ فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأُثْوِهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمْرَكُمُ اللَّهُ أَكْبَرُ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ  
 الْتَّوْبَينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ ﴿٣٣﴾

**Ertinya:** “Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hukum) haid. Katakanlah, ‘Darah haid itu satu benda yang (kotor dan) mendatangkan mudarat.’ Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri daripada perempuan (jangan bersetubuh dengan isteri

*kamu) dalam masa datang darah haid itu, dan janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka suci. Kemudian, apabila mereka sudah bersuci, maka datangilah mereka menurut jalan yang diperintahkan Allah kepada kamu. Sesungguhnya Allah SWT mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat dan mengasihi orang-orang yang sentiasa menyucikan diri.”*

**(Surah al-Baqarah 2: 222)**

No.	Jenis Darah	Keterangan	Tempoh	Hukum
1.	Haid	Darah kebiasaan yang keluar daripada bahagian paling hujung dalam rahim perempuan pada waktu-waktu tertentu.	Minimum: Sehari semalam  Maksimum: 15 hari 15 malam  Kebiasaan: 6 atau 7 hari	Perkara-perkara yang diharamkan ketika haid dan nifas:  (a) Solat. (b) Membaca, menyentuh dan membawa al-Quran. (c) Tawaf. (d) Puasa (wajib ganti). (e) Bersetubuh. (f) Bercerai. (g) Iktikaf dalam masjid.
2.	Nifas	Darah yang keluar selepas rahim kosong daripada kandungan.	Minimum: Tiada had walaupun sekejap.  Maksimum: 60 hari  Kebiasaan: 40 hari	
3.	Istihadah	Darah yang keluar melebihi tempoh maksimum haid dan nifas atau darah yang keluar pada selain dari waktu haid dan nifas.	Lebih daripada tempoh sebanyak-banyak haid dan nifas.  Selain waktu haid dan nifas.	Tidak dikenakan sebarang larangan seperti haid dan nifas.
<b>Nota:</b> Tempoh minimum suci antara dua haid ialah 15 hari 15 malam dan tidak ada tempoh maksimum.				

## Mandi Wajib

Firman Allah SWT:

وَإِن كُنْتُمْ جُنُبًا فَاطَّهِرُوا

**Ertinya:** “Dan jika kamu junub (berhadas besar), maka bersucilah dengan mandi wajib.”

(Surah al-Ma’idah 5: 6)

Perkar Yang Mewajibkan Mandi	Rukun Mandi Wajib
(a) Bersetubuh. (b) Keluar mani. (c) Meninggal dunia selain mati syahid. (d) Haid. (e) Nifas. (f) Wiladah (Bersalin).	(a) Niat untuk mengangkat hadas besar. (b) Membasuh seluruh anggota badan yang zahir dengan air. (Wajib meratakan air ke seluruh anggota badan).

## Wuduk

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ

**Ertinya:** “Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadas kecil), maka (berwuduklah) iaitu basuhlah muka kamu dan kedua-dua belah tangan kamu meliputi siku, dan sapulah sebahagian daripada kepala kamu, dan basuhlah kedua-dua belah kaki kamu meliputi buku lali.”

(Surah al-Ma’idah 5: 6)

Fardu Wuduk	Sunat-sunat Wuduk
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Niat.</li> <li>2. Membasuh muka.</li> <li>3. Membasuh kedua-dua belah tangan sehingga siku.</li> <li>4. Menyapu sedikit air di bahagian kepala.</li> <li>5. Membasuh kaki sehingga dua buku lali.</li> <li>6. Tertib.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membaca basmalah.</li> <li>2. Membasuh tangan hingga ke pergelangan tangan.</li> <li>3. Berkumur-kumur.</li> <li>4. Memasukkan air ke dalam hidung.</li> <li>5. Menyapu semua bahagian kepala.</li> <li>6. Membasuh kedua-dua telinga.</li> <li>7. Menyelati jari tangan, jari kaki, misai dan janggut.</li> <li>8. Mendahulukan membasuh anggota sebelah kanan daripada kiri.</li> <li>9. Membasuh/menyapu setiap anggota sebanyak tiga kali.</li> <li>10. Muwalat (berturut-turut).</li> </ol>

Perkara Yang Membatalkan Wuduk
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Keluar sesuatu dari salah satu daripada kemaluan qubul atau dubur.</li> <li>2. Tidur yang tidak tetap punggung.</li> <li>3. Hilang akal.</li> <li>4. Bersentuh kulit lelaki dan kulit perempuan yang ajnabi antara satu sama lain tanpa berlapik.</li> <li>5. Menyentuh kemaluan hadapan.</li> <li>6. Menyentuh lubang dubur.</li> </ol>

## Tayamum

Firman Allah SWT:

وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَى أَوْ عَلَى سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِّنْكُمْ مِّنَ الْغَابِطِ أَوْ لَمْسَتُمُ الْنِسَاءَ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدَاً طِيبًا فَأَمْسَحُوا بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيکُمْ

ج  
مِنْهُ

Ertinya: “Dan jika kamu sakit (tidak boleh kena air) atau dalam pelayaran atau salah seorang daripada kamu datang dari tempat buang air atau kamu menyentuh perempuan, sedang kamu tidak mendapatkan air (untuk berwuduk dan mandi), maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah – debu itu.”  
**(Surah al-Ma’idah 5: 6)**

Tayamum dilakukan dengan menyapu debu tanah ke muka dan kedua-dua belah tangan dengan niat dan syarat-syarat tertentu.

Sebab-sebab Tayamum	Syarat-syarat Tayamum
<ol style="list-style-type: none"> <li>Ketiadaan air: <ul style="list-style-type: none"> <li>Yakin tiada air.</li> <li>Jika air ada pun mungkin menyebabkan habis waktu solat.</li> <li>Air dijual dengan harga yang lebih mahal daripada sepatutnya.</li> </ul> </li> <li>Keuzuran: <ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak dapat menggunakan air kerana sakit atau air terlalu sejuk.</li> </ul> </li> <li>Air diperlukan untuk keperluan yang lebih penting: <ul style="list-style-type: none"> <li>Air hanya cukup untuk minuman atau keperluan binatang.</li> </ul> </li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Dilakukan selepas masuk waktu.</li> <li>Mengetahui arah kiblat sebenar sebelum bertayamum.</li> <li>Menggunakan debu tanah yang suci.</li> <li>Tidak ada air setelah mencarinya.</li> <li>Menghilangkan najis pada badan sebelum bertayamum.</li> </ol>

Rukun Tayamum	Perkara Yang Membatalkan Tayamum
<ol style="list-style-type: none"> <li>Niat.</li> <li>Menyapu debu tanah ke muka.</li> <li>Menyapu debu tanah di tangan sampai ke siku. <ul style="list-style-type: none"> <li>Menggunakan debu yang lain daripada yang disapu di muka.</li> </ul> </li> <li>Tertib.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Setiap perkara yang membatalkan wuduk.</li> <li>Murtad.</li> <li>Memperoleh air sebelum memulakan solat (bagi orang yang tidak uzur).</li> </ol>

# PENUTUP

Islam sangat memberi perhatian terhadap kebersihan dan hal bersuci. Bersuci merupakan sebahagian daripada iman seperti hadis yang diriwayatkan oleh Abu Malik al-Asy'ari RA, sabda Nabi SAW:

الظُّهُورُ شَطْرُ الْإِيمَانِ

**Ertinya:** “Bersuci itu adalah antara ciri keimanan.”

(Riwayat Muslim, no. 223)

Oleh itu, setelah mempelajari sedikit sebanyak tentang asas-asas bersuci ini, ayuhlah kita meningkatkan keimanan kita dengan sentiasa menjaga kebersihan dan mengikut tuntutan syarak dalam perihal bersuci.

## SESI KEEMPAT

# IBADAH SOLAT

### 1. HASIL PEMBELAJARAN:

- (a) **Pengenalan tentang bersuci:** Peserta akan belajar secara ringkas tentang maksud asas bersuci serta berusaha untuk menghayatinya dalam kehidupan.
- (b) **Penerangan tentang maksud syarat sah solat:** Peserta akan mempelajari syarat-syarat sah solat secara ringkas untuk memastikan ibadat solat dapat ditunaikan secara sah.
- (c) **Pembelajaran tentang rukun solat:** Peserta akan memahami senarai rukun solat yang telah disimpulkan oleh para ulama.
- (d) **Pembelajaran tentang perkara-perkara yang membatalkan solat:** Peserta akan mempelajari senarai perkara yang membatalkan solat sekali gus menyedari kepentingannya.
- (e) **Penerangan tentang syarat wajib solat Jumaat:** Peserta akan mempelajari kewajipan solat Jumaat berserta syarat-syarat wajibnya.

### 2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Pendahuluan
- Syarat Sah Solat
- Rukun Solat
- Perkara-perkara yang Membatalkan Solat
- Syarat Wajib Solat Jumaat
- Penutup

# PENDAHULUAN

Muawiyah bin al-Hakam al-Sulami pernah bercerita bahawa dia pernah solat bersama Rasulullah SAW. Ketika solat tersebut, ada seseorang yang bersin. Muawiyah pun berkata, "Yarhamukallah (semoga Allah merahmatimu)."

Terus kemudiannya orang lain memandangnya sehingga dia pun bertanya, "Kenapa kalian memandangku seperti itu?" Mereka pun kemudiannya menepuk paha mereka. Setelah melihat mereka memintanya untuk diam, Muawiyah pun diam.

Setelah Rasulullah SAW selesai solat, Muawiyah berkata bahawa dia tidak pernah melihat seorang pun pengajar sebelum atau sesudahnya yang lebih baik dalam mendidik selain Baginda SAW. Baginda sama sekali tidak berkata keras, tidak memukul dan tidak mencelanya.

Sabda Baginda:

إِنَّ هَذِهِ الصَّلَاةَ لَا يَصْلُحُ فِيهَا شَيْءٌ مِّنْ كَلَامِ النَّاسِ إِنَّمَا هُوَ  
الْتَّسْبِيحُ وَالْتَّكْبِيرُ وَقِرَاءَةُ الْقُرْآنِ

**Ertinya:** "Sesungguhnya solat ini tidak sesuai padanya perkataan manusia, ia hanyalah tasbih, takbir dan bacaan al-Quran."

(Riwayat Muslim, no. 537)

### Syarat Sah Solat

1. Mengetahui masuknya waktu solat.
2. Menghadap kiblat.
3. Menutup aurat:
  - Aurat lelaki adalah daripada pusat hingga lutut.
  - Aurat perempuan adalah seluruh badan kecuali muka dan dua pergelangan tangan.
4. Suci daripada najis:
  - Merangkumi pakaian, anggota badan dan juga tempat solat.
5. Suci daripada hadas:
  - Merangkumi hadas kecil dan hadas besar.

Rukun Solat	Perkara Yang Membatalkan Solat
<ol style="list-style-type: none"><li>1. Niat.</li><li>2. Takbiratulihram.</li><li>3. Berdiri tegak sekiranya mampu.</li><li>4. Membaca surah al-Fatiyah pada tiap-tiap rakaat.</li><li>5. Rukuk dengan tamakninah.</li><li>6. Iktidal dengan tamakninah.</li><li>7. Sujud dua kali pada setiap rakaat dengan tamakninah.</li><li>8. Duduk antara dua sujud dengan tamakninah.</li><li>9. Duduk tahiyyat akhir.</li><li>10. Membaca tahiyyat akhir.</li><li>11. Membaca selawat ke atas Nabi pada tasyahud akhir.</li><li>12. Membaca salam yang pertama.</li><li>13. Tertib.</li></ol>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Berkata-kata dengan sengaja.</li><li>2. Menambah atau mengurangkan rukun solat.</li><li>3. Datang hadas.</li><li>4. Datang najis yang tidak dimaafkan.</li><li>5. Aurat terbuka.</li><li>6. Membelakangkan kiblat.</li><li>7. Mengubah niat.</li><li>8. Makan.</li><li>9. Minum.</li><li>10. Bersuara selain bacaan solat.</li><li>11. Murtad.</li></ol>

## Syarat Wajib Solat Jumaat

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نُودِي لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمٍ أُجْمَعِهِ فَأَسْعَوْا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ  
وَذَرُوا أَلْبَيْعَ حَذَلَكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٩﴾

**Ertinya:** “Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan solat Jumaat) dan tinggalkanlah berjual beli (pada saat itu); yang demikian adalah lebih baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya).”

(Surah al-Jumu'ah 62: 9)

Hukum solat Jumaat adalah fardu 'ain kepada setiap lelaki dewasa dan syarat wajib solat Jumaat ialah:

Syarat Sah Solat	
1. Islam. 2. Baligh. 3. Berakal. 4. Merdeka (Hamba tidak wajib)	5. Lelaki (Perempuan dan khunsa tidak wajib) 6. Sihat (Orang sakit dimaafkan). 7. Bermastautin

# PENUTUP

Ayuahlah kita bersama-sama memperbaiki kualiti solat kita dan tidak sesekali mengambil mudah ibadat solat ini. Solat merupakan perkara pertama yang akan dihisab di akhirat nanti.

Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ أَوَّلَ مَا يُحَاسَبُ بِهِ الْعَبْدُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ عَمَلِهِ صَلَاتُهُ . فَإِنْ صَلُحَتْ فَقَدْ أَفْلَحَ وَأَنْجَحَ . وَإِنْ فَسَدَتْ فَقَدْ خَابَ وَخَسِرَ .

**Ertinya:** “Perkara pertama yang akan dihisab pada diri seorang hamba Allah pada hari akhirat daripada sekalian amalnya ialah solatnya. Jika solatnya baik, maka dia telah memperoleh kejayaan dan kemenangan. Jika solatnya tidak baik, maka dia telah gagal dan rugi.”

(Riwayat al-Tirmizi, no. 413)

Beginu juga, sesungguhnya kejayaan itu ada pada orang yang khusyuk dalam solatnya.

Firman Allah SWT:

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَلِشُعُونَ ﴿٢﴾

**Ertinya:** “Sesungguhnya berjayaalah orang-orang yang beriman. Iaitu mereka yang khusyuk dalam solatnya.”

(Surah al-Mu'minun 23: 1-2)

## SESI KELIMA



# IBADAH PUASA DAN ZAKAT

### 1. HASIL PEMBELAJARAN:

- (a) **Pembelajaran tentang rukun-rukun puasa:** Peserta akan mempelajari rukun-rukun puasa berserta keterangannya.
- (b) **Pembelajaran tentang perkara-perkara yang membatalkan puasa:** Peserta akan memahami dan mempelajari senarai perkara yang membatalkan puasa.
- (c) **Pembelajaran tentang jenis-jenis zakat:** Peserta akan mengenali jenis-jenis zakat yang diwajibkan oleh agama Islam secara umum.
- (d) **Pembelajaran tentang zakat fitrah:** Peserta akan mempelajari zakat fitrah berserta waktu, hukum dan kadarnya.
- (e) **Pembelajaran tentang zakat harta:** Peserta akan memahami tentang perincian zakat harta dan jenis-jenis yang ada.
- (f) **Pembelajaran tentang golongan yang layak menerima zakat:** Peserta akan mengetahui senarai golongan yang layak menerima zakat berserta keterangannya.

### 2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Pendahuluan
- Pengertian dan Rukun Puasa
- Perkara yang Membatalkan Puasa
- Pengertian dan Jenis Zakat
- Zakat Fitrah: Waktu, Hukum dan Kadar
- Zakat Harta dan Jenis-jenisnya
- Golongan Penerima Zakat
- Penutup

# PENDAHULUAN

Apabila memasuki bulan Ramadan, umat Islam wajib berpuasa.

Firman Allah SWT:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْءَانُ هُدًى لِلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ  
الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلِيَصُمِّمْ

Ertinya: "(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa bulan itu."

(Surah al-Baqarah 2: 185)

Begitu juga apabila masuk bulan Ramadan, umat Islam juga sudah boleh mula membayar zakat fitrah. Pada sesi ini, kita akan membahas tentang kedua-dua ibadat penting ini yang sebenarnya lebih luas daripada apa yang mungkin kita faham. Contohnya, selain zakat fitrah, ada juga zakat harta. Ayuh kita sama-sama pelajari secara ringkas mengenai kedua-dua topik ibadat ini.

## Pengertian Puasa

Bahasa	Istilah
Menahan diri daripada sesuatu.	Menahan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa dari terbit fajar sehingga terbenam matahari yang dimulakan dengan niat berpuasa kerana Allah SWT.

Rukun Puasa	Perkara Yang Membatalkan Puasa
1. Orang yang berpuasa. 2. Niat. 3. Menahan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa mulai terbit fajar sehingga terbenam matahari.	1. Makan atau minum dengan sengaja: <ul style="list-style-type: none"><li>• Jika terlupa, ia tidak membatalkan puasa tetapi wajib berhenti apabila dia sedar kembali.</li></ul> 2. Memasukkan sesuatu benda ke dalam rongga yang terbuka dengan sengaja. 3. Muntah dengan sengaja. 4. Keluar haid dan nifas. 5. Gila. 6. Murtad. 7. Mengeluarkan mani dengan sengaja. 8. Bersetubuh.

## Pengertian Zakat

Bahasa	Istilah
Suci dan subur.	Mengeluarkan harta tertentu dengan kadar tertentu mengikut syarat-syarat tertentu untuk diagihkan kepada golongan tertentu.

## Jenis-jenis Zakat

Zakat Fitrah	Zakat Harta
Zakat yang diwajibkan sempena berakhirnya bulan Ramadan mengikut syarat-syarat yang ditentukan.	Zakat yang diwajibkan apabila sesuatu harta mencapai nisab merangkumi pelbagai jenis zakat harta seperti zakat emas, zakat perniagaan dan zakat pertanian.

## Waktu, Hukum dan Kadar Zakat Fitrah

Hukum	Waktu
Harus	Dari awal sehingga akhir bulan Ramadan.
Wajib	Apabila matahari pada akhir bulan Ramadan terbenam.
Afdal	Selepas solat subuh sehingga sebelum mengerjakan solat sunat Hari Raya Aidilfitri.
Makruh	Selepas solat sunat Hari Raya Aidilfitri.
Haram	Selepas matahari 1 Syawal terbenam.

## Kadar Zakat Fitrah

Satu sha' (gantang) makanan asasi sesuatu tempat seperti beras atau gandum.

## Zakat Harta dan Jenis-jenisnya

Zakat harta ialah zakat yang diwajibkan apabila sesuatu harta mencapai nisab termasuklah:

No.	Jenis Zakat Harta	Keterangan
1	Zakat Pendapatan	<p>Zakat pendapatan timbul daripada konsep zakat al-mal al-mustafad (zakat harta perolehan).</p> <p>Konsep <i>al-mal al-mustafad</i> bermaksud mewajibkan zakat ke atas mana-mana harta perolehan daripada hasil usaha tanpa sebarang proses pertukaran (jual beli), secara ringkasnya ia diperoleh dengan sebabnya tersendiri seperti gaji, upah kerja, elaun, hadiah dan lain-lain.</p>
2	Zakat Perniagaan	<p>Zakat perniagaan ialah zakat yang wajib dikeluarkan hasil daripada harta perniagaan sama ada yang melibatkan barang atau perkhidmatan.</p> <p>Zakat perniagaan merupakan suatu tanggungjawab yang wajib ditunaikan ke atas mereka yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.</p>
3	Zakat Wang Simpanan	<p>Wang merupakan harta cair yang boleh digunakan dalam hal pertukaran, ukuran nilai dan tabungan. Wang sama ada berbentuk kertas, syiling atau sebagainya setaraf dengan emas dan perak sebagai satu bentukkekayaan yang memberi kuasa membeli.</p> <p>Wang yang disimpan di dalam akaun simpanan, akaun simpanan tetap, simpanan semasa, serta bentuk-bentuk simpanan yang lain di bank atau mana-mana institusi kewangan diwajibkan zakat sekiranya memenuhi syarat-syaratnya.</p>
4	Zakat KWSP	<p>Wang KWSP diwajibkan zakat (setelah memenuhi syarat-syaratnya) kerana konsepnya sama seperti wang simpanan, cuma perbezaannya simpanan di KWSP tidak boleh dikeluarkan sewenang-wenangnya seperti akaun simpanan biasa, justeru ia tidak memenuhi syarat "Sempurna Milik".</p> <p>Namun, syarat "Sempurna Milik" akan dipenuhi sejurus apabila pencarum diberi kebenaran untuk mengeluarkannya (sama ada sudah capai umur atau pengeluaran lain yang dibenarkan di bawah Skim Pengeluaran KWSP).</p>

No.	Jenis Zakat Harta	Keterangan
5	Zakat Emas	<p>Islam memandang emas sebagai simbol kekayaan harta yang berharga dan mampu berkembang. Pada masa dahulu, emas digunakan sebagai wang dalam urusan jual beli. Emas-emas ditempa menjadi kepingan berbentuk syiling (dinar) dan juga dibentuk menjadi barang perhiasan wanita.</p> <p>Oleh sebab keistimewaan yang dimiliki oleh emas dan menjadi ukuran kekayaan, maka Islam mewajibkan zakat ke atas emas.</p>
6	Zakat Perak	<p>Logam perak (silver) merupakan logam yang berharga dan berguna. Pada masa dahulu, perak telah digunakan sebagai alat tukaran (wang) dalam urusan jual beli. Masyarakat Arab menggunakan logam perak (dirham) sebagai medium mata wang utama di samping emas (dinar) dalam sistem ekonomi mereka.</p> <p>Walaupun kegunaan perak pada zaman moden telah berubah berbanding zaman dahulu, namun fizikalnya yang masih kekal sebagai alat simpanan nilai dan simbol kekayaan seseorang. Justeru, kewajipan syariat zakat ke atas perak kekal termaktub dan seharusnya ditunaikan oleh orang Islam apabila memenuhi syarat-syaratnya</p>
7	Zakat Saham	<p>Saham ialah satu bentuk aset kewangan yang baharu yang tidak wujud pada zaman dahulu. Saham mewakili pemilikan sebahagian daripada modal syarikat yang turut membawa kepada keuntungan atau kerugian. Apabila saham disenaraikan di pasaran saham, nilainya mungkin berbeza dengan nilai asalnya. Hal ini kerana saham yang didagangkan akan membolehkan nilainya untuk turun naik mengikut faktor yang mempengaruhi permintaan dan penawaran seperti pencapaian syarikat, keadaan ekonomi, kestabilan politik tempatan dan antarabangsa.</p> <p>Para ulama telah menetapkan saham itu wajib dizakatkan oleh kerana nilai dan kekayaan seseorang boleh dibentuk dengan aktiviti jual beli atau memiliki saham.</p>
8	Zakat Pertanian	Tanah adalah salah satu nikmat terbesar yang diciptakan oleh Allah SWT. Tanah diamanahkan kepada umat manusia untuk menjadikannya subur serta menghasilkan tanam-tanaman dan buah-buahan. Sesungguhnya semua tanaman dan buah-buahan yang tumbuh di atas muka bumi ini merupakan kurniaan Allah SWT dan bukannya datang daripada manusia.

No.	Jenis Zakat Harta	Keterangan
		Apabila Allah mengarahkan manusia untuk menunjukkan rasa syukur atas nikmat yang telah diberikan, maka sudah tentulah umat Islam yang beriman menunaikannya dengan mengeluarkan zakat daripada sebahagian hasil tanam-tanaman mereka.

Nota:

1. Senarai dan keterangan di atas ini diambil daripada laman web PPZ MAIWP.
2. Terdapat lagi beberapa jenis zakat harta lain yang tidak diterangkan di sini termasuklah zakat ternakan dan zakat galian.

## Golongan Penerima Zakat

Firman Allah SWT:

⊗ إِنَّمَا الْصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَكِينِ وَالْعَمِيلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي  
الرِّقَابِ وَالْغَرِيمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةٌ مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلَيْهِ  
حَكِيمٌ

**Ertinya:** “Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang terputus bekalan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) daripada Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

(Surah al-Taubah 9: 60)

Berdasarkan firman Allah SWT ini, terdapat lapan golongan penerima zakat, iaitu:

No.	Golongan	Keterangan
1.	Fakir	Seseorang yang tidak mempunyai apa-apa harta atau pekerjaan atau menerima pendapatan daripada sumber-sumber lain yang jumlahnya tidak sampai 50 peratus daripada keperluan harian dan keperluan tanggungannya dan tidak sampai 50 peratus daripada belanja hidup seseorang yang hidup sederhana dan orang-orang tanggungan.
2.	Miskin	Seseorang yang mempunyai pekerjaan atau hasil usaha yang hanya memenuhi sebahagian keperluan asasnya tetapi tidak mencukupi untuk menampung keperluan harian dan juga menampung orang-orang tanggungannya.
3.	Amil	Mereka yang terlibat secara langsung dengan institusi zakat sama ada individu atau organisasi bagi mengurus dan mentadbir hal ehwal zakat termasuk pemungutan, agihan, urusan kewangan dan sebagainya.
4.	Mualaf	Mereka yang dijinakkan hatinya atau mereka yang diharapkan kecenderungan hatinya untuk menerima Islam atau yang memeluk Islam (tetapi belum kukuh Islamnya) ia dibahagi kepada dua, iaitu: <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Beragama Islam:               <ul style="list-style-type: none"> <li>• Baru memeluk agama Islam.</li> <li>• Ketua-ketua kaum Islam yang baik hubungan dengan ketua-ketua bukan Islam yang sejahtera atau sama taraf dengannya.</li> <li>• Ketua-ketua kaum Islam yang masih lemah iman tetapi masih ditaati oleh orang-orang di bawah pimpinannya.</li> <li>• Orang-orang Islam yang tinggal di perbatasan yang berhampiran dengan negara musuh.</li> </ul> </li> <li>b) Bukan beragama Islam:               <ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh dipujuk supaya masuk Islam.</li> <li>• Boleh dipujuk supaya tidak berbahaya kepada orang Islam.</li> </ul> </li> </ul>
5.	Al-Riqab	Memerdekaan orang-orang Islam daripada cengkaman perhambaan dan penaklukan sama ada dari segi cengkaman fizikal atau mental seperti cengkaman kejahilan dan terbelenggu di bawah kawalan orang-orang tertentu.
6.	Al-Gharimin	Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga tanggungannya atau masyarakat yang memerlukan penyelesaian segera dan dibenarkan oleh hukum syarak.
7.	Fi Sabilillah	Mana-mana orang atau pihak yang melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau aktiviti menegak, mempertahankan dan mendakwahkan agama Islam serta kebajikannya.
8.	Ibnu Sabil	Mana-mana orang dalam perjalanan bagi maksud-maksud yang diluluskan oleh syarak dari mana-mana negeri atau negara yang memerlukan bantuan.

Nota: Senarai dan keterangan di atas ini diambil daripada laman web PPZ MAIWP.

# PENUTUP

Semoga kita dapat istiqamah melaksanakan kedua-dua rukun Islam ini, iaitu puasa dan zakat.

Antara tujuan dan hikmah kepada pensyariatan puasa adalah untuk kita sama-sama mencapai ketakwaan. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

**Ertinya:** “Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu supaya kamu bertakwa.”

(Surah al-Baqarah 2: 183)

Antara hikmah kepada pensyariatan zakat pula adalah kita dapat membersihkan hati kita daripada sifat-sifat keji. Firman Allah SWT:

حُذْرُ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُظَهِّرُهُمْ وَتُرْكِيْهِمْ بِهَا وَصَلَّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَوَاتَكَ سَكَنٌ لَّهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٦٣﴾

**Ertinya:** “Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat) supaya engannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan menyucikan mereka (daripada akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”

(Surah al-Taubah 9: 103)

Moga-moga kita tergolong dalam kalangan orang-orang yang bertakwa dan suci hatinya.

## SESI KEENAM



# IBADAH HAJI DAN UMRAH

### 1. HASIL PEMBELAJARAN:

- (a) **Pembelajaran tentang pensyariatan dan pengertian haji dan umrah:** Peserta akan mempelajari tentang maksud haji dan umrah serta perbezaan antara kedua-dua ibadat ini.
- (b) **Pengenalan tentang jenis-jenis haji:** Peserta akan mengetahui tiga jenis haji berserta keterangan tentang setiap jenis haji ini.
- (c) **Pembelajaran tentang rukun-rukun haji dan umrah:** Peserta akan mempelajari rukun-rukun dalam haji dan umrah dan perbezaan antara kedua-duanya.
- (d) **Pemahaman tentang perkara-perkara wajib haji:** Peserta akan mempelajari berkenaan perkara-perkara wajib haji dan keterangannya serta kesan meninggalkannya.
- (e) **Pembelajaran tentang tahalul:** Peserta akan mengenali dua jenis tahalul berserta keterangannya.

### 2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Pendahuluan
- Pensyariatan dan Pengertian Haji dan Umrah
- Jenis-jenis Haji
- Rukun-rukun Haji dan Umrah
- Perkara-perkara Wajib Haji
- Tahalul
- Penutup

# PENDAHULUAN

Dalam kitab sirah al-Rahiq al-Makhtum, diceritakan bahawa Rasulullah SAW bermimpi semasa berada di Madinah. Mimpi itu menunjukkan bahawa Rasulullah SAW dapat bersama-sama para sahabat ke Masjidilharam dan mengambil kunci Kaabah, seterusnya bertawaf dan berumrah. Sebahagian daripada mereka mencukur rambut dan sebahagian lagi menggunting rambut.

Mereka sangat gembira mendapat tahu tentang berita ini, mereka menyangkakan bahawa mereka akan dapat masuk ke Makkah pada tahun itu juga. Rasulullah SAW pun memberitahu sahabat mengenai cadangan untuk menunaikan umrah. Bersiap-siaplah mereka dan bergeraklah Rasulullah SAW bersama-sama rombongan umat Islam menuju ke Makkah.

Pihak Quraisy juga mendapat tahu berita ini. Mereka bermesyuarat dan memutuskan untuk menghalang orang Islam dari sampai ke Baitullah dengan apa cara sekalipun. Sedangkan di pihak Nabi SAW pula mereka memakai ihram, membawa binatang-binatang korban dengan bertujuan tiada yang memerangi mereka.

Rasulullah SAW mengutuskan Uthman kepada orang Quraisy untuk memberitahu mereka bahawa umat Islam bukan datang untuk berperang sebaliknya hendak mengerjakan umrah dan mengajak mereka kepada Islam. Uthman menyampaikan pesanan Rasulullah SAW kepada para pemimpin Quraisy. Peristiwa ini dilanjutkan dengan Uthman tertahan di Makkah agak lama sehingga tersebar berita bahawa beliau telah terbunu sehingga kemudiannya para sahabat berbai'ah kepada Rasulullah SAW.

Setelah itulah termeterainya perjanjian Hudaibiyah yang menyaksikan bahawa Rasulullah SAW hendaklah pulang pada tahun tersebut dan tidak boleh masuk ke Makkah. Orang-orang Islam hanya boleh masuk ke Makkah pada tahun hadapan. Beberapa perkara lain juga dipersetujui.

# PENDAHULUAN (samb.)

Bayangkanlah betapa besarnya pengorbanan umat Islam yang datang jauh untuk menunaikan umrah, namun akhirnya mereka tidak dapat berbuat sedemikian. Ada sahabat yang bertanya kepada Nabi SAW bukankah mereka akan dapat datang ke Baitullah dan bertawaf? Nabi SAW mengiyakan tetapi Nabi SAW juga memberitahu bahawa Baginda juga tidak menyatakan ia pasti akan berlaku tahun ini juga. Ada hikmah yang tersendiri di sebalik termeterainya perjanjian Hudaibiyah. Orang-orang Quraisy yang sebelum ini begitu bercita-cita menghapuskan umat Islam sendiri secara tidak langsung mengiktiraf kekuatan umat Islam melalui kesanggupan mereka mengadakan perjanjian dan menerima perdamaian itu. Perjanjian Hudaibiyah merupakan permulaan era baharu dalam sejarah umat Islam.

Namun, sekali lagi bayangkanlah betapa besarnya pengorbanan umat Islam yang datang dengan rombongan mereka berserta binatang-binatang korban dari Madinah ke Makkah, namun akhirnya hajat mereka untuk menunaikan umrah tidak kesampaian.

Sesi kali ini yang merupakan sesi terakhir untuk modul ini akan kita bahaskan tentang umrah dan haji. Semoga kita juga dapat menanam kecintaan kita untuk menziarahi Baitullah sebagaimana para sahabat gembira menerima khabar berita daripada Nabi SAW.

## Pensyariatan Haji dan Umrah

Firman Allah SWT:

وَأَتِمُّوا الْحُجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ

Ertinya: “Dan sempurnakanlah ibadat haji dan umrah kerana Allah.”  
**(Surah al-Baqarah 2: 196)**

### Pengertian Haji

Bahasa	Istilah
Tujuan.	Mengunjungi Baitullah di Makkah untuk melakukan beberapa amal ibadah pada bulan haji dengan rukun dan syarat tertentu.  Menunaikan fardu haji adalah wajib bagi yang berkemampuan.  Berkemampuan bermaksud berupaya melakukan ibadah haji sama ada secara sendiri atau melalui pertolongan orang lain.

### Pengertian Umrah

Bahasa	Istilah
Ziarah.	Menziarahi Kaabah dan tawaf di sekelilingnya, mengerjakan sai di antara Safa dan Marwah serta bercukur.

## Perbezaan Umrah dan Haji

Umrah	Haji
Boleh dilakukan pada bila-bila masa sepanjang tahun.	Dilakukan pada bulan-bulan haji, iaitu bermula 1 Syawal sehingga terbit fajar 10 Zulhijjah.
Tidak ada wukuf di Arafah, bermalam di Muzdalifah dan di Mina serta melontar jamrah.	Ada wukuf di Arafah, bermalam di Muzdalifah dan di Mina serta melontar jamrah

## Jenis-jenis Haji

Terdapat 3 jenis haji:

No.	Jenis Haji	Keterangan
1.	Haji Ifrad	(a) Dikerjakan dengan niat mengerjakan haji dan umrah secara berasingan. (b) Umrah tidak dikerjakan dalam bulan-bulan haji atau tidak dikerjakan langsung. (c) Setelah ibadat haji selesai barulah berihram untuk umrah.
2.	Haji Tamatuk	(a) Mendahulukan ibadah umrah sehingga selesai dan membuka ihram. (b) Apabila tiba waktu wukuf di Arafah pada 9 Zulhijjah, ihram dipakai semula dan ibadah haji pula dilakukan sehingga selesai.
3.	Haji Qiran	(a) Mengerjakan haji bersama-sama umrah secara sekali gus. (b) Sewaktu memakai ihram, hendaklah diniatkan untuk mengerjakan ibadat haji dan umrah.

### Rukun-rukun Haji dan Umrah

1. Memakai ihram berserta niat haji atau/dan umrah.
2. Wukuf di Arafah
  - Mulai tergelincir matahari 9 Zulhijjah sehingga terbit fajar 10 Zulhijjah.
  - Wukuf di Arafah merupakan rukun untuk haji sahaja, tidak bagi umrah.
3. Tawaf mengelilingi Kaabah sebanyak 7 kali.
4. Sai di antara Bukit Safa dan Bukit Marwah sebanyak tujuh kali.
5. Bercukur dengan sekurang-kurangnya memotong tiga helai rambut.
6. Tertib.

**Nota:** Rukun-rukun umrah sama dengan rukun-rukun haji kecuali umrah tidak ada wukuf di Arafah.

### Perkara-perkara Wajib Haji

Perkara-perkara wajib haji ini jika tertinggal, hajinya tetap sah tetapi wajib baginya membayar dam.

### Perkara Wajib Haji

1. Ihram di Miqat
  - Bagi jemaah dari Malaysia yang menaiki kapal terbang, miqatnya adalah di Qarnul Manazil.
2. Bermalam di Muzdalifah.
3. Melontar Jamratul 'Aqabah di Mina
  - Waktunya adalah dari seperdua malam 10 Zulhijjah.
4. Bermalam di Mina pada malam-malam hari tasyrik.
5. Melontar ketiga-tiga jamrah (Jamratul Ula, Wusta dan Aqabah) pada hari-hari tasyrik, iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijjah.
6. Menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang dilarang semasa berihram.

## Tahalul

Tahalul bererti membebaskan diri daripada haji dan kewajipannya, juga daripada larangan yang ditetapkan ke atasnya. Waktu tahalul bermula selepas pertengahan malam 10 Zulhijjah. Tahalul dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu:

<b>Tahalul pertama / <i>Al-Tahallul al-Asghar</i></b>	<b>Tahalul kedua / <i>Al-Tahalul al-Akbar</i></b>
<p>Berlaku sekiranya seseorang itu telah melaksanakan dua perkara daripada perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(a) Melontar Jamrah al-'Aqabah.</li><li>(b) Bercukur atau menggunting rambut.</li><li>(c) Tawaf yang diiringi dengan sai sekiranya seseorang itu belum melakukan sai sesudah tawaf qudum.</li></ul> <p>Selepas seseorang itu melaksanakan tahalul pertama ini, dia boleh melakukan segala larangan ketika memakai ihram kecuali bersetubuh, bercumbuan dan akad nikah.</p>	<p>Terjadi sekiranya seseorang telah melaksanakan tawaf ifadah. Selepas tawaf ifadah ini dilakukan, segala perkara yang diharamkan pada masa dia memakai ihram boleh dilakukan.</p>

# PENUTUP

Firman Allah SWT:

وَأَذْنِ فِي النَّاسِ بِالْحَجَّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَى كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ كُلِّ فَجَّ

عَمِيقٍ ﴿٢٧﴾

**Ertinya:** “Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadat haji, nescaya mereka akan datang ke (rumah Tuhan)mu (wahai Ibrahim) dengan berjalan kaki dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus yang datangnya dari berbagai-bagi jalan (dan ceruk rantau) yang jauh.”

(Surah al-Hajj 22: 27)

Apabila kita membaca ayat ini, kita akan menghayati bahawa ibadah ini dilaksanakan di Makkah dengan menemukan umat Islam dari pelbagai pelosok dunia tanpa mengira warna kulit, bahasa pertuturan mahupun budaya setempat.

Perhimpunan ini merupakan satu manifestasi perhamaan untuk memenuhi undangan sebagai “tetamu” Allah demi menghidupkan suasana persaudaraan Islam yang sebenar dan sejati. Semuanya datang berbekalkan keimanan yang utuh dan teguh kepada Allah SWT.

Berpakaian ihram berwarna putih melambangkan kesamarataan, meninggalkan segala jenis pangkat, kekayaan mahupun keturunan seseorang. Begitulah kita kembali mengenangkan kesan perjuangan para rasul dahulu kala dalam menegakkan syariat Allah SWT.

Semoga kita semua dapat mengambil ‘ibrah dan inspirasi daripada pembelajaran mengenai ekspedisi murni ini.

Ameen ya Rabbal ‘Alamin.

## **Antara senarai rujukan termasuklah:**

1. *Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah* – Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait.
2. Dato' Ismail Kamus dan Dr. Mohd Azrul Azlen Ab. Hamid, *Indahnya Hidup Bersyariat*.
3. Sheikh Ahmad bin Zin al-Habsyi, *Al-Risalah al-Jami'ah wa al-Tadzkirah al-Nafi'ah*.
4. Sheikh Dr. Mustafa al-Khin dan lain-lain, *Al-Fiqh al-Manhaji 'ala Madzhab al-Imam al-Syafi'i*.
5. Sheikh Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaili, *Usul al-Fiqh al-Islami*.
6. Ustaz Abu Usamah Mohd Hanapiyah, *Haid, Nifas dan Istihadah Menurut Mazhab Syafi'i*.
7. Ustaz Sulaiman Endut, *Asas-asas Fardu 'Ain*.